



**LANGKAH** mengenakan cukai terhadap vape perlu disambut baik oleh semua pihak. - **GAMBAR HIASAN/UTUSAN**

---

## Tingkat talian internet

---

### **SAUDARA PENGARANG,**

**KEMENTERIAN** Pendidikan membuat keputusan untuk melaksanakan pembelajaran secara dalam talian semasa tempoh pandemik Covid-19 melanda negara. Bagaimanapun, pembelajaran sedemikian menimbulkan masalah besar buat keluarga di kawasan luar bandar dan golongan berpendapatan rendah (B40).

Pertama sekali, murid di luar bandar tidak mempunyai akses internet mencukupi. Keupayaan murid bergantung kepada kemampuan ibu bapa untuk menyediakan kemudahan dan pembelajaran seperti talian internet dan gajet. Jika ibu bapa tidak dapat menyediakan kemudahan sedemikian,

anak mereka tidak akan dapat mengikuti pembelajaran sekolah seperti ditetapkan. Maka, murid yang kurang berkemampuan akan terus ketinggalan.

Bukan sahaja kaedah pembelajaran secara dalam talian akan menjejaskan prestasi pelajar malah cara itu turut memberikan tekanan dan cabaran kepada guru untuk memastikan pengajaran mencapai objektif ditetapkan.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan perlu mengambil langkah-langkah segera untuk membantu golongan ini khususnya yang akan menduduki peperiksaan.

**ALBERT LEE**

Biro Pendidikan AMK Negeri Sembilan